

# **MENEROKA PANDANGAN DUNIA MASYARAKAT DUSUN TRADISIONAL DALAM PELESTARIAN ALAM SEKITAR MELALUI AKTIVITI PENANAMAN PADI**

**(*The Traditional Dusun Community's Worldview on Nature Conservation through Rice Cultivation*)**

*Minah Sintian*

*minahsintian@fbk.upsi.edu.my*

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

Pengarang koresponden (*Corresponding author*): \*

Rujukan artikel ini (*To cite this article*): Minah Sintian. (2023). Meneroka pandangan dunia masyarakat Dusun tradisional dalam pelestarian alam sekitar melalui aktiviti penanaman padi. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 16(1), 33–56. [https://doi.org/10.37052/jm.16\(1\)no2](https://doi.org/10.37052/jm.16(1)no2)

Peroleh: <i>Received:</i>	8/4/2022	Semakan: <i>Revised</i>	26/7/2022	Terima: <i>Accepted:</i>	23/11/2022	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	1/1/2023
------------------------------	----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	------------	--------------------------------------------------	----------

**Abstrak**  
Masyarakat Dusun tradisional percaya akan adanya pencipta dan yang diciptakan. Segala ciptaan di alam semesta perlu saling menyantuni untuk tujuan keseimbangan dan keharmonian alam. Masyarakat Dusun percaya bahawa bencana alam yang berlaku di kawasan lereng gunung Kinabalu akibat daripada ketidakpedulian manusia terhadap penghuni alam yang lain khususnya yang melibatkan penerokaan tanah pertanian. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan dan kepercayaan masyarakat Dusun tradisional dalam usaha melestarikan alam sekitar melalui aktiviti penanaman padi. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur dan pemerhatian langsung terhadap aktiviti penanaman padi di tiga buah kampung berdekatan dengan lereng gunung Kinabalu, Sabah. Dapatkan menunjukkan wujudnya unsur amalan dan kepercayaan dalam fasa pembukaan tanah, penanaman dan penuaian padi. Upacara ritual seperti *magawoi*, *pobor do boros*, *madsalud*, *pasalakoi bambarayon* dan sebagainya bertujuan memohon kepada *Kinorohingan* dan semangat-semangat baik untuk memberkati tanah pertanian, menumbuhkan

padi dan memberikan hasil yang mencukupi kepada petani. Bentuk amalan dan kepercayaan yang dilakukan oleh masyarakat Dusun tradisional dalam aktiviti pertanian itu dapat membantu mengelakkan penebangan pokok, pembakaran hutan, penggunaan baja kimia dan racun serangga. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu usaha kerajaan dalam pelestarian alam sekitar. Masyarakat Dusun yang mengamalkan budaya kolektif juga berjaya menerapkan nilai *mogitatabang* semasa mengusahakan pertanian. Nilai tersebut wajar diterapkan dalam kalangan generasi masa kini sebagai wadah pembinaan model insan koperatif dan kolaboratif selain dapat melestarikan warisan budaya.

Kata kunci: Pandangan dunia, masyarakat Dusun, penanaman padi, amalan, kepercayaan, upacara ritual

### *Abstract*

*The traditional Dusun community believes in the existence of a creator and the created. All creations in the universe need to be kind to each other for the purpose of balance and harmony in nature. The Dusun community believes that the natural disasters that occur on the slopes of Mount Kinabalu are the result of human negligence of other inhabitants of nature, especially those that are involved in the exploration of agricultural land. This study aims to identify the practices and beliefs of the traditional Dusun community in preserving the environment through rice cultivation activities. This qualitative study used semi-structured interviews and direct observation of rice cultivation activities in three villages near the slopes of Mount Kinabalu, Sabah. The result showed the existence of elements of practices and beliefs in the phases of land clearing, planting, and harvesting rice. Ritual ceremonies such as magawoi, pobobor do boros, madsalud, pasalakoi bambarayon, and so on are aimed at beseeching Kinorohingan and good spirits to bless the agricultural land, grow rice, and provide sufficient yields to farmers. The forms of practices and beliefs carried out by the traditional Dusun community in agricultural activities can help prevent deforestation, forest burning, and the use of chemical fertilizers and pesticides. This can indirectly help the government's efforts in preserving the environment. The Dusun community that practices a collective culture also successfully applies the value of mogitatabang when working in agriculture. These values should be applied among the current generation as a medium for building a cooperative and collaborative human model, apart from being able to preserve cultural heritage.*

*Keywords:* *Worldview, Dusun community, rice cultivation, practice, belief, ritual ceremonies*

## PENDAHULUAN

Masyarakat Dusun yang mendiami hampir keseluruhan bahagian Pantai Barat Selatan, Pantai Barat Utara dan Pedalaman negeri Sabah terdiri daripada pelbagai suku dalam keluarga Dusun. Suku-suku tersebut diklasifikasikan sebagai Dusunik atau keluarga Dusun sekiranya masih tergolong dalam tingkat bahasa keluarga, subkeluarga, bahasa atau dialek (Minah, 2017). Antara suku dalam Dusunik termasuklah Bundu, Liwan, Tindal, Rungus, Mangkaak, Dumpas, Talantang, Tangara, Tinagas, Kimaragang, Dusun Lotud dan Tobilung (Raymond Boin Tombung, 1991; Dayu Sansalu, 2008; Pugh-Kitingan, 2016; Minah, 2017). Semasa pemerintahan Kesultanan Brunei dan Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBBU), masyarakat Dusun dikenali sebagai masyarakat petani. Istilah “dusun” secara literal membawa maksud kebun buah-buahan dan orang yang tinggal di kawasan perkampungan atau terpencil. Orang Brunei merujuk “Dusun” sebagai etnik petani pedalaman yang bekerja sebagai penanam padi sawah (Pugh-Kitingan 2016:12). Istilah “Dusun” dikekalkan penggunaannya oleh British semasa zaman pemerintahan SBBU untuk merujuk penduduk peribumi yang tinggal di kawasan tanah tinggi dan mengusahakan pertanian (Dayu Sansalu, 2008).

Pada umumnya masyarakat tradisional cenderung mengidentifikasi nama suku mereka berdasarkan alam sekitar seperti nama sungai, nama pokok, nama buah dan ciri-ciri landskap setempat suku itu. Contohnya, suku Bundu di Kampung Bundu Tuhan, Ranau menamakan diri mereka sebagai orang Bundu Tuhan sempena nama buah “bundu” (buah belunu/binjai) yang *notuhan* (runtuh). Suku Tindal yang mendiami Kampung Kiau Nuluh, Kota Belud menamakan diri mereka sebagai orang Kiau sempena nama burung *kologiau* (murai) yang berbunyi “*Kiau!Kiau*” atau *ko'i'au* apabila kenyang. Sementara suku Bundu yang mendiami Kg. Tiong Gondohon, Tuaran menamai diri mereka sebagai orang Dusun Tiong berdasarkan nama sebatang sungai. Pengidentifikasi nama petempatan masyarakat Dusun dengan objek alam sekitar menggambarkan kewujudan unsur sakral yang hadir secara simbolik. Kesakralan petempatan tersebut ditanggapi melalui kepercayaan dan upacara ritual dalam semua aspek kehidupan mereka.

Sara hidup masyarakat Dusun tradisional ialah pertanian, pengumpulan sumber dari hutan dan penangkapan ikan di sungai. Rutter (1985: 86–96) selaku pegawai SBBU, mengenali masyarakat Dusun sebagai masyarakat petani yang menjalankan kegiatan penanaman padi bukit dan sawah, ubi, pokok buah-buahan, tembakau, lada hitam dan kapas. Pugh-Kitingan (2016:44), mengakui bahawa sehingga era ini kegiatan pertanian masih dominan dalam kalangan masyarakat Dusun melalui aktiviti penanaman padi bukit dan sawah, buah-buahan dan tanaman komersial lain.

Para petani tradisional mengolah tanah pertanian mengikut amalan dan kepercayaan yang melibatkan alam ghaib.

Dengan peredaran masa dan perkembangan teknologi oleh kepintaran manusia mengolah alam sekitar daripada tanaman sara diri kepada tanaman komersial. Fenomena ini akhirnya turut mengubah landskap alam sekitar yang bercirikan tradisional. Masyarakat Dusun mulai meneroka tanah pertanian untuk tujuan penanaman sayur-sayuran secara komersial dan pembinaan penginapan pelancongan. Menurut Justin (2017:80–92), pembinaan penginapan pelancongan berlaku kesan daripada limpahan pembangunan pelancongan yang berhampiran dengan Taman Negara Kinabalu. Misalnya, di Kg. Bundu Tuhan sahaja terdapat beberapa penginapan yang dibina di tanah pertanian seperti Puncak Borneo Resort, Hounon Ridge Farmstay, Konunukan Garden & Camping, George Adventure Base. Penerokaan tanah secara berleluasa dan tanpa menggunakan peraturan tradisi menyebabkan ketidakseimbangan ekosistem di kawasan tersebut.

Penerokaan hutan dan tanah sedia ada di kawasan perbukitan khususnya di lereng gunung Kinabalu sangat aktif dan membimbangkan sejak tiga dekad yang lalu. Suzianah (2014), mendakwa bahawa hutan dan tanah di kawasan tersebut telah dibersihkan untuk kegiatan pertanian dan pembinaan penginapan pelancong. Kegiatan penyahhutanan secara berleluasa tanpa amalan tempatan dan pemantauan pihak berwajib telah menyumbang terhadap beberapa kejadian tanah runtuh dan gempa bumi yang agak teruk (Ibrahim, 2011; Bernama, 2015). Masyarakat Dusun yang majoritinya mendiami lereng gunung Kinabalu sangat terkesan dengan situasi tersebut. Fenomena alam yang dahsyat itu bukan sahaja menjelaskan perekonomian bahkan turut membimbangkan lingkungan persekitaran dan kehidupan generasi mereka. Generasi tua yang masih mempercayai kuasa supernatural dan meyakini bahawa kerosakan alam akibat sikap ketidakpedulian generasi kini untuk menjaga dan menghormati kesakralan alam sekitar.


Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk menjelaskan secara deskriptif pandangan dunia masyarakat Dusun dalam usaha melestarikan alam sekitar, khususnya dalam kegiatan penanaman padi. Penerokaan difokuskan kepada tiga fasa, iaitu fasa membuka tanah pertanian, fasa penanaman dan pertumbuhan padi serta fasa penuaian padi.

## LATAR BELAKANG DAN CORAK KEHIDUPAN MASYARAKAT DUSUN

Asal usul orang Dusun pernah dikaitkan dengan cerita legenda Nunuk Ragang. Sejarawan tempatan seperti Yunus Suman (2000), mengetengahkan teorinya dengan mengatakan bahawa orang Dusun berasal dari Nunuk Ragang. Nunuk Ragang terletak di Kg. Tompios, Ranau yang merupakan tempat laluan utama ke Telupid di sebelah timur dan Kota Kinabalu di sebelah barat. Nunuk Ragang terletak di

antara dua batang sungai yang dikenali sebagai Sungai Kogibangan dan Sungai Kawananan. Dikisahkan bahawa penduduk Dusun di kawasan Nunuk Ragang sangat padat sehingga menyebabkan kawasan menjadi sesak, dan berlaku serangan penyakit serta kebuluran. Akhirnya, berlakulah penghijrahan secara berperingkat-peringkat mengikut kumpulan yang diketuai oleh ketua masing-masing. Kebanyakan penduduk yang berhijrah itu menetap di kawasan pergunungan, perbukitan dan pelosok pedalaman Borneo seperti di Ranau, Tambunan, Tamparuli, Tuaran, Kota Belud, Keningau, Telupid, Kota Marudu dan Penampang.

Masyarakat Dusun mulai beradaptasi dengan lingkungan persekitaran untuk meneruskan kehidupan mereka. Pegangan kepercayaan animisme atau tradisional menjadi sumber berasimilasi dengan alam kelihatan dan tidak kelihatan. Alam kelihatan terdiri daripada objek yang boleh dilihat, disentuh, didengar, dirasa dan dihidu termasuklah manusia, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan sebagainya sementara alam tidak kelihatan terdiri daripada roh, semangat dan benda ghaib yang mereka percaya memang wujud tetapi tidak boleh dilihat oleh orang kebanyakan. Masyarakat Dusun percaya bahawa hanya *bobolian* (pakar perbomohan) yang mampu melihat dan berinteraksi dengan alam tidak kelihatan itu. Dayu Sansalu (2008), mentakrifkan *bobolian* sebagai pakar dalam ilmu perubatan tradisional, pakar rujuk penyakit, pengantara roh ghaib, pembantu ketua kampung menyelesaikan masalah adat, ketua upacara keagamaan dan sebagainya. Kepakaran *bobolian* dalam ilmu *rinait* (mantera)



**Rajah 1** Kerangka fikir alam semesta menurut pandangan masyarakat Dusun tradisional.

dengan menggunakan bahasa yang sangat bermutu tinggi dianggap oleh Raymond Boin Tombung (1997, yang dipetik dalam Minah 2012) sebagai “paderi Dusun”. Oleh itu, dalam kebanyakan urusan pertanian, keahlian *bobolian* sentiasa diperlukan oleh masyarakat Dusun.

Pola fikir masyarakat Dusun tentang alam semesta adalah bercorak falsafah, iaitu ada pencipta yang dikenali sebagai *Kinorohingan* dan ada hasil ciptaan seperti manusia, tumbuh-tumbuhan, tanah, haiwan, atmosfera, air, laut, udara, bulan bintang, roh, semangat, makhluk ghaib dan sebagainya. Pencipta dan yang dicipta menjadi sumber inspirasi dan pedoman dalam pelbagai aspek kehidupan. Kerangka fikir tentang alam semesta tersebut dapat digambarkan dengan menggunakan Rajah 1.

Berdasarkan Rajah 1, *Kinorohingan* sebagai pencipta digambarkan tinggal di *pongoluan* (seolah-olah seperti syurga atau kayangan) dan mempunyai sifat *osundu* (mempunyai kuasa ghaib). *Kinorohingan* juga mempunyai beberapa nama seperti *Odu Gantob*, *Aki Himpogong* dan *Minamangun*. Manusia dan ciptaan lain mempunyai hubungan dengan *Kinorohingan*. Manusia sebagai khalifah di muka bumi harus menjaga segala hasil ciptaan *Kinorohingan* dengan sebaik-baiknya. Begitu juga dengan ciptaan lain yang mempunyai fungsi tertentu dalam penciptaan khususnya untuk kebaikan manusia. Roh atau semangat yang dianggap alam ghaib dipercayai ada yang baik dan ada yang jahat. Roh atau semangat tersebut akan bertindak balas terhadap manusia sekiranya kehidupan mereka tergugat. Oleh itu, masyarakat Dusun percaya bahawa segala objek yang wujud di alam kelihatan dan tidak kelihatan perlu dihormati untuk tujuan memelihara keseimbangan dan keharmonian alam semesta.

Hubungan erat manusia dengan *Kinorohingan* (rujuk Rajah 1), menyerlah dalam penciptaan sumber makanan khususnya padi dalam masyarakat Dusun. Hal ini terkenal dalam sastera lisan etnik Kadazandusun, iaitu berhubung dengan mitos “*Huminodun*” sekali gus dapat mengukuhkan pendapat Rutter (1985) berkaitan dengan bidang pekerjaan utama masyarakat Dusun pada ketika itu. Dikisahkan bahawa sewaktu penduduk Dusun mengalami kebuluran yang sangat dahsyat, *Kinorohingan* telah mengutuskan anaknya *Huminodun* ke bumi untuk dikorbankan agar penduduk Dusun di dunia tidak mati kebuluran (Low, 2005). Dipercayai bahawa beberapa jenis tumbuhan telah tumbuh di atas kuburan *Huminodun* seperti padi, jagung dan ubi kayu. Pengorbanan *Huminodun* itu dihargai dan disyukuri oleh etnik Kadazandusun sehingga mereka mengadakan majlis keramaian yang dikenali sebagai pesta menuai. Pada pesta itu, diadakan pertandingan *Unduk Ngadau* atau “ratu cantik” sebagai tanda mengingati *Huminodun*. Perayaan Pesta Menuai atau “Tadau Kaamatan” merupakan manifestasi pengorbanan *Huminodun* yang tidak ternilai oleh etnik Kadazandusun. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya proses penanaman padi sangat disantuni oleh para petani Dusun.

Walau bagaimanapun, menurut Tylor (yang dipetik dalam Pals, 2012), manusia tradisional ini pada dasarnya sangat bergantung pada mitologi primitif sebagai landasan berfikir. Mereka membina mitos hasil daripada gabungan idea logik di bawah pengaruh bahasa. Mitos tersebut kemudian dijadikan sebagai teladan dan analogi antara gelagat manusia dengan peristiwa alam. Dalam satu sisi, pemakalah sepakat dengan Tylor (*ibid*, 2012), dengan merujuk kerangka berfikir masyarakat Dusun dalam Rajah 1. Misalnya, mitos *Huminodun* diandaikan hanya sebuah ungkapan *rinait* (mantera) permohonan belas kasihan kepada pencipta, iaitu *Kinorohingan* untuk menyelamatkan penduduk Dusun yang menghadapi bencana alam. Kesungguhan *bobolian* memohon, akhirnya *Kinorohingan* menumbuhkan padi dan tumbuhan lain di tanah mereka. *Rinait* dalam masyarakat Dusun merupakan genre sastera lisan yang paling awal dalam kehidupan dan kebudayaan masyarakat Dusun (Minah, 2012:122). Dalam erti kata lain, *rinait* lahir bersama-sama dengan masyarakatnya kerana *rinait* dianggap sebagai doa yang mempunyai kuasa. Dalam perspektif ini, *Huminodun* dijadikan sebagai lambang belas kasihan, kesetiaan, kemakmuran, keindahan, keikhlasan dan sanggup berkorban untuk tujuan teladan dan analogi kepada masyarakat Dusun.

Petani masyarakat Dusun yang tinggal di kawasan perbukitan sangat peka terhadap suasana alam sekitar. Perubahan alam dikaitkan dengan petanda yang ditunjukkan melalui objek, peristiwa atau kejadian sama ada secara nyata atau melalui mimpi. Misalnya, bunyi burung, ngongoian anjing, penampakan kelawar terbang waktu siang, tikus menyeberang denai dan sebagainya dipercayai sebagai petanda terhadap sesuatu kejadian yang akan berlaku. Setiap kali membuka tanah baharu untuk pertanian, *bobolian* juga akan mengarahkan pemilik atau ahli keluarga yang membuka tanah tersebut untuk bermimpi. Mimpi akan ditafsir terlebih dahulu sebelum meneruskan pembukaan tanah tersebut. Oleh itu, petani sangat peka dengan sebarang petanda khususnya dalam aktiviti pertanian.

Bertitik tolak daripada kerangka berfikir masyarakat Dusun dalam Rajah 1, masyarakat Dusun sangat percaya bahawa makhluk yang tidak kelihatan boleh mendatangkan mudarat kepada manusia dan alam fizikal sekiranya tidak disantuni secara wajar. Misalnya, roh atau semangat yang kepanasan boleh menyerang pelaku, keluarganya, masyarakat kampung, tanaman dan ternakan mereka sekiranya makhluk tidak kelihatan itu tersinggung atau disakiti. Kejadian yang lebih buruk akan berlaku sekiranya roh atau semangat tersebut menimpa kemarau, wabak penyakit, banjir besar dan gempa bumi. Tradisi dan amalan saling menyantuni antara pencipta dengan yang dicipta dan makhluk kelihatan dengan tidak kelihatan terpateri melalui ungkapan mantera *bobolian* di bawah:

*Pantangon no kosorumbahan miagal ko tama nu  
winorun miagal ko tina nu  
kadayan miagal dika sondiri  
om koinsanai mogigiyon id winoroun  
i okito om i amu okito*  
(Sumber: Benedict Topin, 2017:4)

Terjemahan:

Hormati dunia di atas seperti ayahmu  
dan di bumi umpama ibumu  
hormati sesama manusia seperti dirimu sendiri  
dan semua makhluk di bumi  
yang kelihatan dan tidak kelihatan  
umpama saudaramu.

## SOROTAN LITERATUR

### Konsep Pandangan Dunia

Istilah pandangan dunia (*worldview*) berdasarkan “Pandangan Dunia” (t.th), ialah kata pinjaman terjemahan daripada bahasa Jerman *weltanschauung* yang terdiri daripada dua kata *welt* bermaksud “dunia” dan *anschauung* bermakna “persepsi” atau “tunjuk” yang merujuk “persepsi dunia yang luas”. Sarjana antropologi seperti Redfield (1951:30), mentafsirkan pandangan dunia primitif sebagai pandangan terhadap alam semesta yang menjadi ciri sesuatu masyarakat. Ciri-ciri tersebut dapat menggambarkan dan membandingkan cara hidup suatu masyarakat. Menurut Redfield (1951:30), cara hidup seseorang dapat digambarkan atau dibezakan melalui tradisi, nilai, dan idea tentang kehidupan yang baik suatu masyarakat tersebut.

“What is a worldview?” (t.th), pula melihat pandangan dunia sebagai model mental realiti yang merujuk kerangka kerja idea dan sikap yang komprehensif tentang budaya, diri sendiri, kehidupan, sistem kepercayaan dan sistem teori yang disesuaikan secara peribadi tentang dunia dan cara pandangan dunia itu berfungsi. Marques (2014:73–74) menjelaskan model mental sebagai idea peribadi yang tertanam mendalam tentang cara lingkungan berfungsi. Dalam erti kata lain, pandangan dunia berkaitan dengan persepsi, cara melihat dan mentafsir dunia serta bertindak mengenainya oleh individu, kumpulan atau sesuatu masyarakat. Vidal (2008:3–5), pula melihat konsep pandangan dunia sebagai berkait rapat dengan falsafah yang mengemukakan persoalan disiplin falsafah seperti persoalan ontologi “Apa itu?”, persoalan penjelasan “Dari mana semuanya datang?”, persoalan ramalan “Ke mana kita akan pergi?”, persoalan aksiologi “Apa yang baik dan apa yang

jahat?”, persoalan praksiologi “Bagaimana kita harus bertindak?” dan persoalan epistemologi “Apa yang benar dan apa yang salah?”.

Kesimpulannya, pandangan dunia sesuatu individu, kumpulan atau masyarakat adalah berlandaskan persekitaran kehidupan sistem sosial, pendidikan, perekonomian dan politik. Pandangan dunia masyarakat tradisional dan kebanyakan peribumi dapat dilihat dalam aspek kepercayaan, seni, kesusilaan, hukum, adat istiadat dan cara berfikir yang dianggap suatu yang baik, berfaedah, sempurna dan menyeluruh demi keseimbangan dan keharmonian antara alam kelihatan dan tidak kelihatan.

### **Pandangan Dunia Masyarakat Peribumi Luar Negara dalam Pelestarian Alam**

Kajian lalu mendapati bahawa kebanyakan kaum peribumi di beberapa buah negara telah lama melestarikan alam sekitar berdasarkan kepercayaan dan amalan tradisi mereka. Misalnya, komuniti peribumi Afrika di Sankana dan Tong-Tengzuk utara Ghana (Francis & Issifu, 2015), tidak akan memakan, membunuh dan menjerat binatang yang dianggap *totem* (merujuk binatang, tumbuhan atau apa-apa sahaja objek natural yang dipercayai oleh leluhur sebagai roh penjaga kepada kumpulan etnik, suku dan keluarga Ghana). Mereka percaya bahawa *totem* tersebut dapat memulihara sumber alam, spesies dan ekosistem. Jika sekiranya *totem* itu mati atau dijual, suatu pemakaman dan perkabungan seperti layaknya manusia akan dilakukan sebagai tanda hormat.

Komuniti nelayan di Pulau Tinjil Indonesia (Uyeda *et al.*, 2014), turut mempercayai bahawa membunuh reptilia seperti cicak besar (*Varanus salvator*) dan ular sawa (*Python reticulatus*) boleh mengakibatkan tulah kepada pelakunya. Reptilia tersebut dipercayai merupakan milik penunggu di pulau itu. Kepercayaan sedemikian dapat menghalang pencerobohan manusia di pulau tersebut seperti pembinaan hotel, pengutipan batu kerang, pembuangan sampah-sarap, perlakuan maksiat dan sebagainya sekali gus mengelakkan kepupusan reptilia tersebut.

Masyarakat yang tinggal di hutan Ban Nong Hua Khon, Tambon Nong Muen Than di daerah Samat wilayah Roi-Et, Thailand (Suchart *et al.*, 2010), berpandangan bahawa kepercayaan tradisi yang diwarisi secara turun-temurun dan anutan agama Buddha adalah perlu untuk melestarikan hutan. Mereka percaya bahawa semangat nenek moyang yang dikenali sebagai Don Pu Ta merupakan penjaga hutan yang perlu dihormati. Kepercayaan sedemikian menyebabkan masyarakat tersebut menggunakan sumber hutan dengan bijaksana sebagai tanda rasa hormat dan takut akan berbuat dosa. Sebagai tanda penghormatan dan ketaatan terhadap agama, mereka mengekalkan penggunaan tradisi seperti lembu untuk mengangkut hasil hutan yang mereka kutip. Masyarakat Ban Nong Hua Khon menjadikan kepercayaan tradisi dan anutan agama sebagai platform berorganisasi agar diterima oleh semua anggota

masyarakat. Kepercayaan sedemikian secara tidak langsung dapat mengekalkan keharmonian sesama makhluk kelihatan dan tidak kelihatan.

Adat istiadat dan peraturan yang sedia ada digunakan oleh nenek moyang dalam aktiviti pertanian adalah wajar dipertahankan sekiranya mendatangkan manfaat kepada generasi seterusnya. Pandangan dunia tersebut dapat dilihat dalam kajian Raden *et al.* (2011), terhadap amalan masyarakat Baduy di Banten, Indonesia semasa melakukan aktiviti pertanian. Didapati bahawa amalan *pikukuh* dapat mengelakkan bencana kebakaran hutan, tanah runtuh dan banjir. *Pikukuh* (ketentuan adat) bermaksud tidak mengubah sesuatu adat yang sudah diterima pakai oleh anggotanya atau harus menerima apa-apa sahaja yang sudah ada tanpa menambah atau menguranginya.

Masyarakat Baduy tidak menebang pohon-pohon besar yang terdapat di tanah huma yang condong dan curam bagi mengelakkan tanah runtuh. Lereng-lereng huma yang curam akan diteresi dengan menggunakan potongan kayu bagi mengelakkan humus tanah dihanyutkan air hujan. Semasa proses membakar kayu-kayu kering yang telah ditebang, masyarakat Baduy membuat *dangdang* dan *nyampurai* (Raden *et al.*, 2011). Kegiatan ini dilakukan dengan membuat longgokan dahan, ranting, dedaunan dan rerumputan yang telah dipotong dan dikeringkan di tengah-tengah ladang untuk tujuan pembakaran. Hal ini dapat mengelakkan api daripada menjalar ke hutan atau membakar ladang orang lain.

Berdasarkan penelitian kajian lalu, disimpulkan bahawa masyarakat peribumi berpandangan bahawa tradisi, adat istiadat, agama dan peraturan yang diwarisi turun-temurun dapat menjaga tingkah laku manusia daripada melakukan penyimpangan norma dan nilai kolektif yang sudah diterima oleh masyarakat. Ketaatan dan kesetiaan terhadap kepercayaan, tradisi, adat istiadat, peraturan dan simbol sakral secara tidak langsung dapat membantu dalam pelestarian alam sekitar.

### **Pandangan Dunia Masyarakat Dusun Tradisional dalam Pelestarian Alam melalui Aktiviti Pertanian**

Pandangan dunia masyarakat Dusun terhadap pelestarian alam dapat diteroka melalui kegiatan pertanian. Kegiatan pertanian sebagai nadi kehidupan perlu dilakukan mengikut kepercayaan, peraturan, pantang larang dan tatatertib yang disepakati dalam suatu masyarakat kolektif. Catatan awal penglibatan masyarakat Dusun dalam pelestarian alam sekitar terkandung dalam Evans (1917, yang dipetik dalam Atin, 2013). Menurut Evans, masyarakat Tambatuan, Kota Belud akan meninggalkan sekurang-kurangnya sebatang pokok di tengah-tengah kawasan bercucuk tanam. Pokok itu dipercayai akan dijadikan tempat bertenggek unggas di rimba. Sekiranya tidak ada tempat bertenggek, burung itu akan teraniaya dan akan menyumpah tanaman

sehingga tidak menjadi. Amalan meninggalkan sekurang-kurangnya sebatang pokok masih diteruskan sehingga kini oleh kebanyakan petani masyarakat Dusun untuk fungsi lain seperti tempat berteduh dan nilai estetika.

Rozes Kisi (1993), turut menjelaskan bahawa masyarakat Dusun tradisional mementingkan penjagaan alam sekitar melalui amalan menghentikan aktiviti bertani pada hari-hari tertentu yang disebut sebagai *Tulandaat* (hari celaka). Dalam *Kadazandusun Calendar* (2012), *Tulandaat* berlaku sebanyak lapan atau sembilan hari dalam sebulan. Nama hari *Tulandaat* ialah *Taang, Tolikud, Tontong, Rampagas, Timpuun, Molot, Katang/Latang, Solimpuunon Tilimo/Giuk, Sukilab, Piolitan/Tonob, Gogor, Kointuru Kosilau (anaru/oniba)* dan *Koinwalu Kosilau do Anaru*. Setiap nama hari tersebut mempunyai tafsir dan peraturan tertentu dalam sosiobudaya masyarakat Dusun. Misalnya pada hari *Tulandaat*, masyarakat Dusun dilarang keras melakukan sebarang kerja di kebun atau sawah khususnya aktiviti merumput dan menanam. Hal ini bagi mengelakkan tanaman mereka dimakan oleh ulat atau serangga lain. Pada hari *Tulandaat* juga masyarakat Dusun dilarang mengambil kayu-kayan di hutan untuk kegunaan membuat rumah. Tujuannya adalah untuk mengelakkan rumah mereka daripada terbakar atau dimakan oleh anai-anai.

Masyarakat Dusun tradisional juga mengamalkan kegiatan memotong kepala untuk tujuan tertentu. Pemenggalan kepala yang dikenali sebagai upacara *magang* (Phelan, 2001) atau *manangod* (Minah, 2014) mempunyai tujuan yang signifikan dalam kalangan masyarakat Dusun. Menurut Phelan, sebahagian kepala yang dipenggal itu diletakkan atau digantung di dalam *sulap* (pondok tempat penyimpanan padi) untuk tujuan menjaga padi. Kepala yang dipenggal itu dipercayai mempunyai *sunduan* (semangat) yang dapat memberi *kosogit-sogiton* (kesejahteraan) dan *kolumaagan* (rezeki) kepada masyarakat petani. Para petani mengharapkan semangat daripada kepala itu untuk menjauhkan hasil tanaman mereka daripada serangan penyakit, serangan binatang buas, bencana kemarau, banjir dan sebagainya (Minah, 2014).

Masyarakat Dusun di Tambunan juga percaya bahawa unsur makanan seperti telur, tapai, nasi, sirih, buah dan sebagainya dapat menjaga padi daripada dimakan oleh binatang kecil seperti tikus (Zawawi, 2001). Benda tersebut diletakkan di atas padi yang telah dituai. Mereka percaya bahawa objek itu dapat menghalang haiwan perosak, terutama tikus, daripada memakan hasil tuaian. James (1999), menjelaskan bahawa objek tersebut merupakan lambang dalam tradisi sebagai ritual penyeimbang untuk melindungi kebun, memohon hujan, matahari atau kesuburan untuk kelanjutan hidup manusia.

Selain itu, masyarakat Dusun atau Kadazan tradisional mempunyai pandangan dunia yang menekankan keseimbangan dan keharmonian antara alam manusia

dengan alam ghaib semasa pembukaan tanah untuk pertanian. Kajian Hanafi (2005), mendapati masyarakat Kadazan yang tinggal di daerah Penampang melakukan ritual yang dikenali sebagai *babas* (pendamaian) atau *sogit* (penyejukan) sebelum membuka tanah. Ritual itu bertujuan memohon keizinan daripada *Dahom Tana'* (semangat tanah) dan *Ompuvan* (semangat hutan) agar tidak mengganggu kerja penebangan hutan dan pembukaan tanah. *Bobohizan* (pawang) yang diberikan tanggungjawab oleh pemilik tanah akan menjalankan ritual *mogotok* (mencencang tanah) dengan diikuti bacaan *inait* (mantera). Mantera yang dibaca itu bertujuan untuk memohon penunggu tanah supaya berpindah ke tempat lain kerana tanah itu akan diusahakan oleh pemiliknya. *Bobohizan* memohon agar kawasan pertanian itu dibebaskan daripada gangguan semangat jahat dan terhindar daripada serangan makhluk perosak tanaman. Geertz (yang dipetik dalam Pals, 2012), menggambarkan tingkah laku sedemikian sebagai adat-istiadat yang mengandungi motivasi tertentu dan orang yang termotivasi akan dibimbing oleh seperangkat nilai. Hal yang bernilai tinggi adalah apabila manusia dapat bekerjasama dengan sesama manusia dan menghormati makhluk yang tak kelihatan untuk kelangsungan hidup mereka.

Pandangan dunia masyarakat Dusun yang tinggal di lereng gunung Kinabalu melihat ritual *patod* atau *labot* dapat membantu melindungi alam daripada roh jahat dan kerakusan manusia. Kajian Minah (2013), mendapati masyarakat Dusun yang tinggal di lereng gunung Kinabalu menjalankan ritual *patod* atau *labot* sebelum membuka tanah untuk pertanian. Mereka percaya bahawa ritual itu mampu menghalau roh dan semangat jahat yang mengganggu para petani semasa mengusahakan tanah baharu. Semua penduduk kampung, termasuk yang telah berhijrah, dijemput balik untuk menghadiri ritual itu. Tidak ada sesiapa pun yang dibenarkan untuk membuka ladang baharu sebelum ritual dijalankan. Manfaat ritual ini adalah untuk menghalang keinginan manusia meneroka hutan lebih awal daripada peraturan yang disepakati untuk tujuan keseimbangan ekosistem. Secara tidak langsung ritual ini dapat menanam sikap setia kawan dan semangat berkompromi dalam kalangan masyarakat kampung bagi mengelakkan hasil tanaman daripada dimakan oleh semut, tikus, burung dan sebagainya.

Berdasarkan kajian lalu, masyarakat Dusun tradisional sudah mengamalkan beberapa cara menjaga alam sekitar melalui kepercayaan dan amalan tradisi yang diperoleh daripada warisan nenek moyang. Melalui kepercayaan dan amalan tradisi tersebut sekurang-kurangnya dapat menghindari kejadian tanah runtuh, mengelakkan kepupusan unggas dan mengelakkan penipisan lapisan ozon. Walau bagaimanapun, ritual menggantungkan kepala di tempat penyimpanan padi merupakan suatu amalan yang sulit ditafsirkan. Pentafsiran harus mengikut konteks latar, masa dan ruang pada zaman itu.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif melalui kajian lapangan dan pemerhatian. Kajian melibatkan tiga buah kampung yang terletak di kawasan lereng gunung Kinabalu, iaitu Kg. Bundu Tuhan, Ranau, Kg. Kiau Nuluh, Kota Belud dan Kg. Tiong Gondohon, Tuaran. Pemilihan tiga buah kampung dalam daerah berbeza adalah signifikan dengan isu penerokaan hutan untuk aktiviti pertanian yang memberikan impak kepada keseimbangan ekosistem di kawasan berdekatan dengan gunung Kinabalu. Kampung-kampung tersebut pernah mengalami fenomena gegaran gempa bumi sederhana berukuran 6.0 skala richter pada 5 Jun 2015 (Bernama, 2015) serta beberapa gegaran susulan skala lemah melebihi 100 kali (Zam Yusa, 2018). Majoriti penduduk yang tinggal di lokasi kajian terdiri daripada masyarakat Dusun suku Bundu dan Tindal.

Pensampelan bertujuan digunakan dengan hanya memilih subjek kajian berdasarkan tujuan pengkaji. Sebanyak tujuh sampel yang terdiri daripada petani sepenuh masa berusia lingkungan 65 hingga 84 tahun telah dipilih sebagai informan. Ketujuh-tujuh informan merupakan petani sepenuh masa sejak usia relatif muda, iaitu sekitar lima tahun. Mereka mengenali dunia pertanian tradisional melalui ibu bapa, tidak mendapat pendidikan formal dan belum menganut agama Kristian sewaktu dilahirkan. Keterbatasan jumlah informan adalah disebabkan oleh jarak lokasi yang jauh, memerlukan biaya kewangan yang banyak di samping masa dan tenaga yang sangat terhad. Oleh itu, hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasi kepada seluruh populasi masyarakat Dusun di lokasi kajian.

Temu bual dijalankan dalam bentuk berkumpulan dan berpasangan, iaitu secara berkumpulan di Kg. Bundu Tuhan, Ranau dan berpasangan di Kg. Kiau Nuluh, Kota Belud dan Kg. Tiong Gondohon, Tuaran. Tujuan temu bual dilaksanakan dalam bentuk kumpulan dan berpasangan agar informan dapat saling bantu-membantu mengingatkan dan membetulkan maklumat berkaitan dengan pandangan dunia

**Jadual 1** Demografi informan.

Kod	Informan	Jantina	Lokasi	Pekerjaan	Umur
BT1	Pn. Lombi Gungkat	Perempuan	Bundu Tuhan, Ranau	Petani	77
BT2	Pn. Kimbi Pindah	Perempuan	Bundu Tuhan, Ranau	Petani	77
BT3	Pn. Gangot Surundai	Perempuan	Bundu Tuhan, Ranau	Petani	84
KN1	Pn. Usinah Suanti	Perempuan	Kiau Nuluh, Kota Belud	Petani	69
KN2	Pn. Gimbulok Mendayong	Perempuan	Kiau Nuluh, Kota Belud	Petani	74
TG1	En. Ebin Siong	Lelaki	Tiong Gondohon, Tuaran	Petani	65
TG2	En. Guman Baga	Lelaki	Tiong Gondohon, Tuaran	Petani	78

mereka tentang pelestarian alam semasa melakukan aktiviti dalam pertanian. Data diperoleh melalui teknik temu bual separa berstruktur. Dalam temu bual, penyelidik mengemukakan beberapa soalan yang telah siap dibina, namun penyelidik bebas menjelajah jawapan informan dengan lebih mendalam melalui pertanyaan galakan minimum. Bahasa yang digunakan dalam temu bual dimudahkan mengikut pemahaman informan yang terdiri daripada petani berusia. Maklumat temu bual dirakamkan menggunakan telefon pintar *Samsung* di samping membuat catatan.

Pemerhatian pula melibatkan tindakan memerhati geografi lokasi, kawasan ladang, peristiwa bukan verbal dan perlakuan informan. Pemerhatian merupakan salah satu cara untuk mendapatkan maklumat dalam usaha memahami peristiwa yang berlaku di sekeliling secara sedar atau tidak sedar (Chua, 2006). Hasil rakaman merupakan instrumen yang digunakan dalam teknik pemerhatian di samping mengambil foto statik informan, persekitaran tempat tinggal dan ladang. Kajian kepustakaan dijalankan dengan merujuk buku, jurnal dan surat khabar juga turut digunakan untuk membuat rujukan kritis bagi memahami tajuk kajian, soalan kajian dan sorotan literatur.

Penganalisaan data dilakukan secara deskriptif. Data yang diperoleh ditulis semula dalam bentuk teks verbatim, diberikan kod dan tema mengikut objektif kajian. Akhir sekali, data tersebut diinterpretasi untuk tujuan memberi makna dan nilai kepada analisis serta perkaitan yang timbul antara dimensi-dimensi yang timbul.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

### Fasa Pembukaan Tanah Pertanian

Ketujuh-tujuh informan daripada ketiga-tiga suku menyatakan bahawa masyarakat Dusun tradisional menjalankan upacara *magawoi* (membersihkan kawasan tanah dengan keluasan yang sangat minimum) di kawasan tanah yang hendak dijadikan penanaman padi. Selepas tanah dibersihkan, upacara *mongimpit* (mengenyahkan) akan dimulakan. Mantera yang disebut *pobobor do boros* (pengungkapan kata-kata) akan dilafazkan oleh *bobolian*. Pada masa yang sama, *bobolian* akan memacak atau menyusun beberapa batang kayu di atas tanah tersebut. *Bobolian* juga memohon kepada *Kinorohingen* untuk memberikan mimpi kepada pemilik tanah atau keluarga terdekatnya.

Pembukaan tanah pertanian yang dilakukan melalui beberapa upacara adalah berdasarkan nilai yang tertanam dalam diri masyarakat Dusun yang menghargai tanah leluhur. Informan BT1 mengatakan bahawa tanah merupakan lambang maruah. Orang Dusun tradisional yang tidak memiliki sebarang tanah dianggap sangat miskin



Batang kayu dipancang atau diletakkan secara melintang. Suku Tindal di Kg. Kiau Nuluh menggunakan cara pacak sementara suku Bundu menggunakan cara melintang. Walau bagaimanapun kedua-dua cara boleh digunakan.



**Rajah 2** Upacara *magawoi*.  
(Sumber: Kajian lapangan pengkaji, 2017)

dan hidup terbuang di kampung itu. Dalam erti kata lain, individu tanpa tanah tidak lagi mempunyai hak bersuara dalam komuniti tersebut. Oleh sebab itu, tanah adat atau pusaka sangat dihargai kerana menjadi lambang kecintaan kepada leluhur mereka.

Pembukaan tanah untuk pertanian tidak boleh dibuat secara sewenang-wenang. Pembukaan haruslah dilakukan secara bertahap agar tidak merosakkan hubungan manusia dengan makhluk tidak kelihatan. Upacara *magawoi* yang bermaksud “meninjau atau menjangkau” tanah yang hendak dijadikan penanaman padi dapat menyelamatkan hutan daripada diteroka secara melulu. Hal ini kerana *bobolian* hanya membersihkan rimbunan semak dalam kawasan yang kecil sahaja. Penebangan pokok tidak dilakukan semasa upacara *magawoi*. Selepas pembersihan semak, upacara melafazkan mantera akan dijalankan oleh *bobolian* untuk memohon *Kinorohingan* menghalau roh dan semangat yang tidak baik daripada mengganggu petani yang akan mengusahakan tanah tersebut. Belas kasihan *Kinorohingan* untuk mengizinkan mereka membuka tanah di kawasan tersebut sangat diharapkan oleh petani.

Pemacakan atau peletakan kayu dilakukan sebagai simbolik manusia telah berkomunikasi dengan makhluk yang tidak kelihatan seperti penunggu tanah. Mantera yang dilafazkan oleh *bobolian* mengandungi permohonan agar makhluk tersebut berpindah ke tempat lain dengan membawa bersama-sama semua ahli keluarganya. Yang berikut merupakan ungkapan mantera mengusir makhluk yang tidak kelihatan yang mendiami tanah tersebut:

*Impit kou no ii minion hiti tana'  
Ii pomutanaman ku parai  
Impit kou no  
Pogidu kou no  
Iti no pogihumanan dahai kaakan-akanon*

*Impit kou no  
Nuununu nopo i rapo diu  
Mangai diu no oito  
Oiton diu monduli  
Sakayon diu mambalik  
monduli pinogintodon  
mambalik do pinogihudon.*  
(Sumber: *Informan BTI*)

Terjemahan:

Nyahlah kamu wahai penunggu yang mendiami tanahku  
Tempatku menanam padi  
Nyahlah kamu  
Pergilah kamu  
Inilah tempat kami mencari makan.

Nyahlah kamu  
Apa-apa saja hartamu  
Bawalah bersama  
Bawalah pulang  
Jadikan sebagai kenderaanmu  
Pulang di tempat asalmu  
Pulang ke tempat asalmu.

Upacara tersebut menggambarkan bahawa manusia benar-benar serius untuk mengerjakan tanah dan tidak mahu diganggu semasa mengusahakannya. *Bobolian* memohon penunggu untuk mengangkat seluruh ahli keluarga dan segala harta miliknya untuk berpindah. Penunggu atau semangat yang tidak baik diminta secara sopan untuk meninggalkan tanah itu. Masyarakat Dusun percaya bahawa makhluk tidak kelihatan juga ciptaan *Kinorohingan*. Oleh itu, makhluk tersebut perlu dilayan dengan baik agar tidak mengganggu manusia dan pertumbuhan tanaman kelak.

Memohon mimpi merupakan petunjuk sama ada tanah tersebut sesuai dijadikan sebagai penanaman tanaman atau tidak. Sekiranya bermimpi buruk, maka tanah tersebut tidak akan mereka teroka. Masyarakat Dusun percaya bahawa *Kinorohingan*

sebagai pencipta manusia akan *momolodun* (memberkati) tanah yang akan diusahakan. Walau bagaimanapun, kebanyakan petani tradisional akur dengan ketentuan yang diberikan melalui amalan *moginipi* (bermimpi). Kepercayaan bermimpi dapat mengelakkan penebangan hutan dan mencerminkan nilai cinta terhadap alam sekitar.

Selepas mendapat mimpi yang baik, aktiviti *momorilik* (membersihkan semak-samun) dan *managad* (menebang kayu besar) akan dijalankan. Menurut informan TG1 dan TG2, tidak semua pokok akan ditebang semasa menebang terutama pokok yang tumbuh di kawasan tadahan air. Beberapa batang pokok akan dibiarkan di kawasan penanaman padi atau tanaman lain untuk tujuan berteduh. Selepas kayu yang ditebang itu kering, aktiviti *mongulat* (mengenyah sampah), *modtutud* (membakar) dan *monokop* (menutup) akan dijalankan. Jarak *nulatan* (kawasan yang dinyah sampah) dari kawasan yang ditebang dengan hutan yang belum ditebang adalah lebih kurang semeter. Tujuan *mongulat* ini adalah untuk mengelakkan api daripada merebak ke kawasan hutan ataupun membakar kawasan ladang orang lain semasa aktiviti membakar. Proses *monutud* pula harus menggunakan teknik yang betul agar tidak merebak ke kawasan lain. Masyarakat Dusun menggunakan teknik *sunsurionon* (mengundur) dan berpandukan arah tiupan angin. Selain itu, membakar ladang tidak boleh dilakukan pada musim kemarau yang panjang. Hal ini dilakukan bukan sahaja bagi menghalang api daripada merebak tetapi juga untuk mengelakkan pertumbuhan padi terbantut.

Ladang yang selesai dibakar itu akan dibiarkan sejuk lebih kurang sebulan. Penyehukan tanah memberi ruang kepada rumput untuk tumbuh dan sebagai petunjuk bahawa padi dan tanaman lain juga akan tumbuh di atas tanah itu. Bagi mengelakkan rumput daripada menghalang pertumbuhan padi, aktiviti *monokop* akan dijalankan sebelum atau selepas menugal. Kawasan yang diberikan perhatian utama untuk ditutup ialah tempat yang diyakini ditumbuhi rumput dengan cepat dan sukar dimusnahkan seperti lalang (*imperata cylindrica*) dan *tolinting* (spesis rumput gajah atau *pennisetum purpureum schamach*). Ladang itu ditutupi dengan menggunakan daun lalang, daun pisang dan sebagainya. Penutup itu akan dibakar lebih kurang seminggu sebelum aktiviti menugal dijalankan atau pun sekiranya rumput itu ditutup selepas menugal, dan akan dibakar sehari selepas padi ditugal. Teknik *monokop* ini membantu mengurangkan pertumbuhan rumput dan membakar daun-daun penutup agar dapat menambahkan kesuburan tanah (Informan KN1, KN2). Teknik ini juga mengurangkan penggunaan racun rumput yang membahayakan tanaman dan manusia.

Aktiviti *momorilik*, *managad*, *mongulat*, *modtutud* dan *monokop* merupakan amalan tradisional petani masyarakat Kadazandusun. Lazimnya aktiviti tersebut agak berat dan membahayakan. Menurut informan TG1 dan TG2, aktiviti itu akan dilakukan secara *mogitatabang* (gotong-royong). Misalnya, membakar ladang memerlukan keahlian dan penglibatan orang lain bagi mengelak api merebak ke



**Rajah 3** Pokok di kawasan huma dan tадahan air.

(Sumber: Kajian lapangan pengkaji, 2017).

hutan atau ladang orang lain. Pandangan dunia masyarakat Dusun untuk menyantuni manusia dengan manusia dan manusia dengan alam nyata yang lain jelas dalam amalan *mogitatabang*. Prinsip semangat *mogitatabang* menunjukkan sebarang keputusan dibuat secara perbincangan. Amalan murni tersebut juga meringankan dan mempercepat kerja selain mengelakkan bencana kebakaran hutan. Aktiviti sedemikian dapat menerapkan nilai pemuaafakan dan kerjasama yang tinggi dalam kehidupan manusia kolektif.

### Fasa Penanaman dan Pertumbuhan Padi

Aktiviti penanaman padi atau penugalan padi bukit akan dijalankan selepas pembersihan tapak pertanian. Menurut informan BT2 dan BT3, fasa ini sangat penting untuk memastikan padi tumbuh dengan subur dan menghasilkan buah yang banyak. Sebelum benih ditanam, upacara *popoirikau do tonomon* (upacara pemberkatan benih dalam bekas) perlu dilakukan oleh *bobolian*. *Bobolian* memulakan ritual dengan merebahkan dan menegakkan *basung* (tempat berisi padi) sebanyak tujuh kali sambil mengungkapkan mantera. Antara kandungan dalam ungkapan mantera itu adalah untuk memohon padi tumbuh dengan subur, memberikan hasil berlipat kali ganda, dijauhi daripada hasad dengki orang lain dan pemiliknya diberikan kesejahteraan. Amalan menyelang-selikian tanaman (*intercropping*) lain semasa menugal padi juga dilakukan oleh pemilik. Antara benih yang ditanam termasuklah bayam, labu, timun dan jagung. Tanam-tanaman ini bukan sahaja berguna sebagai makanan tambahan sementara menunggu padi masak, bahkan tanaman campuran (*companion planting*) memberikan perlindungan padi daripada serangan perosak, membantu

pendebungaan padi melalui pokok jagung, mengekalkan kelembapan tanah melalui pokok timun, labu dan sebagainya. Dalam bidang pertanian, setiap tanaman mempunyai nutrisi tersendiri. Nutrisi daripada tanaman lain dapat membantu membekalkan nutrien kepada tanaman berhampiran. Hal ini secara tidak langsung dapat membaik pulih tanah dan mengurangkan penggunaan baja kimia.

Aktiviti *gumamas* (merumput) dan *molihing* (menghidupkan padi) akan dilakukan selepas padi tumbuh. Petani akan membuka rumput yang tumbuh di antara batang padi sambil berkomunikasi dengan padinya. Mereka akan membela daun-daun padinya sambil mengungkapkan kata-kata berbentuk harapan, kasih sayang, prihatin dan rayuan terhadap padi. *Gagamas* (parang tumpul) digunakan semasa *gumamas* agar tidak melukakan batang padi sekali gus sentiasa memelihara semangat yang terdapat pada pokok padi. Selain itu, masyarakat Dusun tradisional juga percaya penggunaan *gagamas* tidak akan melukakan makhluk ghaib yang mendiami tanah (Informan BT2, BT3).

Upacara *madsalud* (mantera khusus untuk padi yang mulai berisi) akan dijalankan sewaktu padi mulai bunting. Upacara ini akan dijalankan oleh *bobolian* atau pembantunya di tempat padi itu ditanam dengan membawa seekor ayam (Informan BT3). Beberapa helai bulu ayam akan dicabut dan diselitkan pada batang bambu yang dipacak atau pun dicucukkan pada daun-daun padi. Terdapat tiga jenis mantera yang diungkapkan semasa *madsalud*, iaitu *monupi*, *monondiato* dan *mononluhut* (Informan BT1). Ketiga-tiga mantera itu mempunyai tujuan yang sama, iaitu memohon bantuan *Kinorohingen* untuk menghalang *turol do parai* (kata-kata



**Rajah 4** Tanaman selang-seli.

(Sumber: Kajian lapangan pengkaji, 2017)

jahat daripada manusia) dan serangan penyakit yang menyebabkan buah padi kering. Ayam itu akan disembelih untuk *kosogit-sogiton* (penyejukan) semua penghuni alam.

*Popoirikau do tonomon* dan *madsalud* merupakan ritual permohonan belas kasihan manusia kepada *Kinorohingan* untuk memberkati usaha mereka. Dalam ungkapan mantera *popoirikau do tonomon*, *bobolian* memohon belas ihsan *Kinorohingan* untuk memperbanyak dan menyuburkan benih padi sehingga menghasilkan buah yang berlipat kali ganda.

*Kokukup-kokukup no ti tosokon  
Irad do tompok do sirung  
Orikot nogi indo kaasok yahai  
Walu nulu hontolibon  
Turu' nompodou lopuson  
Gali pia okoto' nasakan.*  
(Sumber: Informan BT1)

Terjemahan:

Kumpul-kumpul ini benih  
Hanya sebanyak hujung terendak  
Bila selesai kami menugal  
Lapan bukit direntasi  
Tujuh gunung ditembusi  
Walau kecil tugalannya kami.

Penjagaan semasa pertumbuhan padi sangat dititikberatkan oleh petani sebagai tanda menghargai kemurahan hati *Kinorohingan* yang sanggup mengorbankan anak gadisnya untuk kelanjutan hidup masyarakat Dusun. Menurut informan BT1, pada suatu ketika dahulu upacara *madsalud* dilakukan sebanyak dua kali, iaitu selepas padi dibersihkan daripada rumput dan semasa padi *momitus* (mulai bunting). Penjagaan padi melalui upacara khusus bukan sahaja dapat melestarikan alam malah menunjukkan bahawa manusia menyantuni makhluk tidak kelihatan seperti *Kinorohingan* dan *bilod* atau *bambarayon* (semangat padi). Hanafi (2005), menjelaskan bahawa *bambarayon* perlu diberikan layanan baik seperti dipuji dan dipujuk untuk menyukarkan hatinya agar padi hidup subur dan berbuah lebat, sama ada pada masa itu mahu pun pada masa akan datang.

Menurut kepercayaan masyarakat Dusun, padi merupakan antara tanaman yang mempunyai semangat yang paling sensitif. Sekiranya semangat padi merajuk atau pergi dari tempat itu maka hasil padi akan berkurangan atau tiada langsung. Antara contoh yang menunjukkan semangat padi merajuk ialah buah padi *nolonot* (menjadi kering), batang padi dimakan tikus dan sebagainya. Oleh itu, padi perlu dijaga dengan sebaik-

baiknya agar *bambarayon* tidak merajuk. Kepercayaan sedemikian meskipun tidak menampakkan kesan nyata terhadap pelestarian alam sekitar namun dapat menerapkan nilai menghargai tanaman dan menghormati makhluk lain untuk kelanjutan hidup masyarakat Dusun. Dalam hal ini, Keesing (1974), beranggapan bahawa manusia sebagai makhluk berakal sewajarnya menyesuaikan diri dengan peraturan alam semesta dan menjaga hubungan adaptasi dengan ekosistem demi kemandirian.

### Fasa Penuaian Padi

Padi mulai dituai setelah buahnya sudah menguning. Sebelum menuai, upacara memanggil *bambarayon* akan dilakukan oleh *bobolian*. *Bobolian* akan menuai tujuh tangkai padi sambil melafazkan ungkapan “*Hondi ambarayon, omoton tokou nodi iti parai. Lohoo’ diu ii tongotobpinai hilo’ d ...*” (“Wahai semangat padi, kita mulai tuai padi ini. Panggillah semua saudara kamu di ...”). Selepas itu, upacara *pasalakoi bambarayan* atau *pasalakoi pusakag* (menjemput semangat padi masuk ke tempat penyimpanan padi) akan dilakukan. Tujuh tangkai padi yang telah dituai itu dibawa masuk ke dalam lumbung. Mantera akan dilafazkan semasa menyisipkan tangkai padi itu ke dalam lumbung. Antara petikan mantera yang diungkapkan ialah:

*Posolokoyon ku ndo iti pusakag  
kano ambarayon muli hilo’d sulap  
hilo toko ndo sulap do modop-odop ambarayon*

Terjemahan:

Aku nak masukkan semangat padi ini  
Mari semangat padi balik ke pondok  
Di pondoklah kita akan tidur-tidur

(Sumber: Informan BT3)

Fasa penuaian padi merupakan kemuncak keberhasilan hasil tanaman. Banyak atau sedikit hasil yang dituai harus disyukuri. Manusia mengungkapkan mantera sebagai tanda kesyukuran kepada makhluk tidak kelihatan seperti *Kinorohingan* dan *bambarayon* kerana memberikan rezeki. Manusia mengharapkan agar *Kinorohingan* sentiasa memberkati usaha para petani dan membiarkan *bambarayon* tetap tinggal di dalam lumbung untuk menjaga padi. Secara literal, kepercayaan *pasalakoi bambarayon* tidak jelas dalam konteks pelestarian alam sekitar tetapi secara simbolik kepercayaan tersebut dapat menghindari manusia daripada menyakiti sesama mereka. Misalnya, manusia mencuri atau merosakkan tanaman orang lain, menyerang secara fizikal, mengeluarkan kata-kata yang jahat dan sebagainya. Hal ini selari dengan pandangan dunia masyarakat Dusun yang menghendaki keseimbangan dan keharmonian ekosistem di muka bumi untuk bertahan dalam hidup.

## KESIMPULAN

Kerangka fikir masyarakat Dusun berpaksikan kepercayaan bahawa terdapat hubungan yang bertimbang balas antara alam kelihatan dengan alam tidak kelihatan dalam kehidupan. Segala tindak tanduk manusia terhadap alam akan mendapat timbal balas sesuai dengan perlakuan mereka. Masyarakat Dusun percaya bahawa terdapat bahagian-bahagian dalam alam semesta ini yang mempunyai unsur sakral. Tempat seperti hutan, sungai, gunung, tanah, pokok, lembah dan sebagainya dipercayai didiami oleh roh atau semangat yang baik ataupun jahat. Oleh itu, masyarakat Dusun mempunyai pandangan dunia yang menekankan keseimbangan dan keharmonian antara alam kelihatan dengan alam tidak kelihatan. Segala tindakan yang tidak sopan dipercayai akan menjelaskan keseimbangan kepada individu, keluarga, komuniti, petani dan hasil tanaman.

Aktiviti penanaman padi dalam ketiga-tiga fasa yang telah dijalankan adalah berpandukan amalan dan kepercayaan yang diwarisi turun-temurun. Amalan dan kepercayaan tersebut dapat mengurangkan penebangan pokok, pembakaran hutan, penggunaan baja kimia dan racun serangga. Pandangan dunia masyarakat Dusun yang menjaga hubungan antara makhluk kelihatan dengan yang tidak kelihatan untuk tujuan kesejahteraan dan keharmonian ekosistem secara tidak langsung dapat membantu dalam pelestarian alam sekitar. Kajian sedemikian sangat relevan dalam mengoptimumkan potensi pelestarian alam sekitar di negara kita.

## PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Research Management & Innovation Centre (RMIC), Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana memberikan geran penyelidikan Top Down KPT Research Grant Code 2016-0213-107- 41 untuk menjalankan kajian ini.

## RUJUKAN

- Atin, Veronica P. (2013). Nilai sosial masyarakat Kadazandusun berdasarkan teks Tuaran adat dan Dusun customs in Putatan district. Dlm. Saidatul Nornis Mahali (Ed.), *Nilai dan norma masyarakat di Sabah*. Universiti Malaysia Sabah
- Benedict Topin. (2017). *Kadazandusun is our sacred identity*. Koisaan Publications.
- Bernama. (2015, Disember 24). Gempa bumi 5.9 skala richter di Ranau cetus panik rakyat Sabah pada 2015. *Bernama*. <http://www.mosti.gov.my/wp-content/uploads/2015/12/24DISEMBER2015.pdf>
- Chua, Y.P. (2006). *Kaedah penyelidikan*. McGraw-Hill.
- Daeng, H. J. (2008). *Manusia, kebudayaan dan lingkungan tinjauan antropologi*. Pustaka Pelajar.

- Dayu Sansalu. (2008). *Kadazandusun di Sabah pendidikan dan proses pemodenan 1881–1967*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Francis Diawuo, & Issifu Abdul Karim. (2015). Exploring the African traditional belief systems in natural resource conservation and management in Ghana. *The Journal of Pan Africa Studies*. 8(9), 115–131.
- Hanafi Hussin. (2005). Ritual padi komuniti Kadazan dataran Penampang, Sabah. *Jati*, 10, 171–203.
- Ibrahim Komo (2011, Mei 14). Fenomena tanah berlari di Kundasang. *Berita Harian Online*. Diambil daripada <http://www.ukm.my/seadpri/wpcontent/uploads/2011/09/Fenomena-tanah-berlari-di-Kundasang.pdf>
- Iman Suyitno. (2015). Pendekatan budaya dalam pemahaman perilaku budaya etnik. *Prosiding dari Seminar Internasional*, Malang, Universitas Negeri Malang. [https://www.researchgate.net/publication/315457016\\_PENDEKATAN\\_BUDAYA\\_DALAM\\_PEMAHAMAN\\_PERILAKU\\_BUDAYA\\_ETNIK](https://www.researchgate.net/publication/315457016_PENDEKATAN_BUDAYA_DALAM_PEMAHAMAN_PERILAKU_BUDAYA_ETNIK)
- James, J. (1999). *Twenty steps to wisdom melintasi batas keduniawian, mencapai keseimbangan jiwa* (Frans Kowa, trans.). Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.
- Justin Sintian. (2017). Pelancongan warisan di Kampung Bundu Tuhan: Potensi dan cabaran. Dlm. Vincent Pang, Budi Anto Mohd. Tamring & Veronica Petrus Atin (Eds.), *Bundu Tuhan konteks dan transformasi*. Perpustakaan Negeri Sabah.
- Kadazandusun Calendar. (2012). *Poingimpou o suwab di konihab*. Borneo Publishing & Printing Services.
- Keesing, R. (1974). Teori-teori tentang budaya. (Amri Marzali, trans.). *Annual Review of Anthropology. Antropologi* No. 52, 3-32.
- Low Kok On. (2005). *Membaca mitos dan legenda Kadazandusun*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Marques, J. (2014). Mental models and reality. In: *Leadership and mindful behavior*, 73-89. [https://doi.org/10.1057/9781137403797\\_5](https://doi.org/10.1057/9781137403797_5)
- Minah Sintian. (2012). Mantera atau rinait Kadazandusun: Tinjauan dalam aspek pengamal dan fungsinya dalam kehidupan. *Prosiding simposium bahasa dan budaya Iban dan Folklor Borneo/Kalimantan*. Persatuan Folklor Malaysia.
- Minah Sintian. (2013). Kepercayaan dan amalan masyarakat Kadazandusun dalam pemeliharaan alam sekitar. *Prosiding Persidangan Intelektual Kebangsaan Malaysia*. Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Minah Sintian. (2014). Amalan memotong kepala dalam masyarakat masa silam Kadazandusun: Survival atau budaya? *Prosiding Bengkel Folklor Nusantara*. Persatuan Folklor Malaysia.
- Minah Sintian. (2017). *Variasi leksikal dalam dialek keluarga Dusun di Sabah*. (Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia.
- Pals, D.L. (2012). *Seven theories of religion* (cetakan kedua), (Inyiak Ridwan Muzir & M. Syukri, trans.) IRCiSoD.
- Pandangan Dunia. (t.th.). *Wikipedia*. [https://ms.wikipedia.org/wiki/Pandangan\\_dunia](https://ms.wikipedia.org/wiki/Pandangan_dunia)

- Pugh-Kitingan, J. (2016). *Kadazan Dusun* (2<sup>nd</sup> ed.). Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Raden Cecep Eka Permana, Isman Pratama Nasution, & Jajang Gunawijaya. (2011). Kearifan lokal tentang mitigasi bencana pada masyarakat Baduy. *Makara, Sosial Humaniora*, 15(1), 67–76.
- Raymond Boin Tombung. (1991). *Keluarga Dusun*. Newland Management & Persatuan Dusun Sabah Bersatu.
- Redfield, R. (1952). The primitive world view. *Proceedings of the American Philosophical Society*, 96(1), 30–36. <http://www.jstor.org/stable/3143740>
- Rozes Kisi, D. (1993). Pomulanan tulun Kadazan/Dusun. Dlm. Petrus F. Guriting & Rita Lasimbang (Eds.), *Tanong om Susuzan do Kadazan Dusun* (hlm. 33-38). Kadazan Dusun Cultural Association Sabah.
- Rutter, O. (1985). *The pagans of North Borneo* (Reprinted). Oxford University Press.
- Suchart Burirat, Penkae Thamsenamupop, & Sonton Kounbuntoam. (2010). A study of local wisdom in the management of the community forest in Ban Nong Hua Khon, Tambon Nong Muen Than, at Samat District, Roi-Et Province. *Pakistan Journal of Social Sciences*, 7(2), 123–128.
- Suzianah Jiffar. (2014, Disember 1). BH bongkar: Kemusnahan hutan punca suhu di kaki Gunung Kinabalu meningkat. *Berita Harian Online*. <http://www.bharian.com.my/node/20802>
- Uyeda, L.T., Entang Iskandar, Azhari Purbatraptila, Joko Pamungkas, Wirsing, A., & Kyes, R.C. (2014). The role of traditional beliefs in conservation of herpetofauna in Banten, Indonesia. *Fauna & Flora International, Oryx*, 1–6. doi:10.1017/S0030605314000623
- Vidal, C. (2008). Wat is een wereldbeeld? (What is a worldview?), in Van Belle, H. & Van der Veken, J. (Eds.), *Nieuwheid denken. De wetenschappen en het creatieve aspect van de werkelijkheid*, in press. Acco, Leuven. [https://web-archive.southampton.ac.uk/cogprints.org/6094/2/Vidal\\_2008-what-is-a-worldview.pdf](https://web-archive.southampton.ac.uk/cogprints.org/6094/2/Vidal_2008-what-is-a-worldview.pdf)
- What is a Worldview? (t.t.). Definition & introduction. *The American Scientific Affiliation*. <https://www.asa3.org/ASA/education/views/index.html>
- Yunus Sauman Sabin. (2000). *Masyarakat Bajau dan Dusun di Sabah sebelum tahun 1900*. [https://myrepository.pnm.gov.my/xmlui/bitstream/handle/123456789/1332/MDSS\\_2000\\_Bil.28\\_03.pdf](https://myrepository.pnm.gov.my/xmlui/bitstream/handle/123456789/1332/MDSS_2000_Bil.28_03.pdf)
- Zam Yusa. (2018, March, 9). Gempa bumi terkini di Sabah bukan susulan kata pakar. *Free Malaysia Today*. <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/03/09/gempa-bumi-terkini-di-sabah-bukan-susulan-kata-pakar/>
- Zawawi Ibrahim. (2001). *Voices of the Crocker Range indigenous communities Sabah: Social narratives of transition in Tambunan and its neighbors*. Universiti Malaysia Sarawak.